



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)
(Syarikat ditubuhkan di Malaysia)

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lapan AWQAF Holdings Berhad yang telah bersidang pada hari Sabtu, 31 Julai 2021 pada jam 10.00 pagi secara atas talian melalui platform aplikasi Zoom.

KEHADIRAN PENGARAH

YBhg Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir	-	Pengerusi
Tuan Haji Mohammad Sahar bin Mat Din	-	Timbalan Pengerusi
YBhg Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali	-	Pengarah
Puan Azizah binti Abdul Rahman	-	Pengarah
Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali	-	Pengarah
YBhg Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor	-	Pengarah
Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff	-	Pengarah
Dr. Ridzwan bin Bakar	-	Pengarah
Dato' Khairul Shahril bin Hamzah	-	Pengarah
Puan Rafe'ah binti Ariffin	-	Pengarah

KEHADIRAN AHLI

Seperti senarai kehadiran

KEHADIRAN PROKSI

Seperti senarai kehadiran

DIJEMPUT HADIR

Encik Mohd Wazi bin Mohamad Awal - Wakil dari Tetuan Wan Nadzir & Co.

TURUT HADIR

Puan Fatintafrina binti Mohd Tareh	- Setiausaha Syarikat
Tuan Haji Tarmili Dulah Kusni	- Wakil Juruaudit Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS)
Encik Ibrahim Adham bin Asmaill	- Wakil Pengurusan
Puan Khairunnisa binti Mazlan	- Wakil Pengurusan

1. UCAPAN PENGERUSI

YBhg Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir, selaku Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Lembaga Pengarah dan ahli-ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-Lapan Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF" atau "Syarikat"). Pengerusi kemudiannya memulakan AGM dengan bacaan Ummul Kitab yang turut dihadiahkan kepada Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim dan semua ahli keluarga hadirin yang telah tiada.

Pengerusi juga memaklumkan para hadirin bahawa demi menjaga kesihatan dan keselamatan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia, Syarikat telah memilih untuk mengadakan Mesyuarat Agung secara atas talian.

Walaupun SSM telah melanjutkan tempoh perlaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan sehingga akhir bulan September 2021, Syarikat telah membuat keputusan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ini melalui platform atas talian dengan mengikut SOP kerana semua persediaan telah dipersiapkan dan terdapatnya keperluan untuk keputusan berkaitan pengurusan operasi dan tadbir urus Syarikat.

Pengerusi kemudiannya memperkenalkan Ahli Lembaga Pengarah AWQAF dan juga Setiausaha Syarikat kepada semua Ahli AWQAF yang hadir.

Seterusnya Pengerusi memulakan mesyuarat pada jam 10.05 pagi.

2. KORUM

Setiausaha Syarikat mengesahkan sejumlah 57 orang ahli (termasuk kehadiran 5 orang proksi) telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini, jumlah ini adalah seperti yang direkodkan pada jam 10 pagi.

Oleh itu, mesyuarat telah membentuk korum yang mencukupi untuk meneruskan mesyuarat selaras dengan Artikel 35 Perlembagaan Syarikat.

3. NOTIS MESYUARAT

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lapan bersama-sama dengan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan Laporan Tahunan yang telah dimuatnaik ke dalam laman web Syarikat dan turut diedarkan, dianggap telah dibaca oleh semua Ahli AWQAF.

4. PEMBENTANGAN PRESTASI SYARIKAT

Sebelum memulakan agenda mesyuarat, Pengerusi telah memberi penerangan kepada semua ahli AWQAF berkenaan prestasi dan aktiviti syarikat pada tahun 2020 dan perancangan Syarikat untuk tahun 2021. Antara yang diketengahkan adalah:

- (1) Penerimaan dana AWQAF terkumpul pada 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM12.82 juta iaitu pertambahan sebanyak RM141,377.00 sepanjang tahun 2020, dengan penyumbang wakaf berjumlah 3,182. Sebagai makluman, jumlah dana AWQAF dan ahli terkini sehingga 30 Jun 2021, adalah sebanyak RM12.91 juta dengan penyumbang wakaf berjumlah 3,376. Ahli penuh AWQAF yang boleh mengundi adalah seramai 715 ahli. Antara inisiatif pihak pengurusan adalah memberi galakkan berterusan kepada para penyumbang Asas bagi meningkatkan sumbangan wakaf mereka sehingga layak mengundi sebagai ahli penuh, iaitu minimum Ahli Hadid (jumlah wakaf RM1,000).
- (2) AWQAF telah melancarkan Wakaf Khas COVID-19 bertujuan untuk pembelian mesin ventilator dengan kos RM150,000. Mesin tersebut telah diserahkan kepada Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Kajang yang ditentukan kegunaannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Inisiatif ini akan diteruskan dan semua Ahli AWQAF diseru untuk terus menyokong dan menyumbang dalam wakaf khas ini.

- (3) Program-program bantuan perniagaan juga diperkenalkan melalui pelancaran Dana Wakaf Tijarah dengan kerjasama Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), yang mana telah berjaya mengumpulkan sebanyak RM21,750 setakat Jun 2021. Inisiatif kerjasama Wakaf Tijarah ini, sekaligus dapat memberi manfaat yang lebih luas kepada ahli DPIM dan AWQAF untuk meneroka peluang perolehan pendapatan bersama yang dapat dikongsi oleh AWQAF dan ahli-ahli DPIM.
- (4) Bagi tahun 2020/21, AWQAF telah memulakan inisiatif pelaburan yang terdiri dari usaha mengambil alih dan menyambung operasi membangunkan Sekolah Antarabangsa Integrasi Al-Hamra, Kota Damansara. Satu inisiatif pelaburan yang penting bagi AWQAF untuk bersama-sama memperkasakan institusi pendidikan yang menjadi denyut nadi dalam pembangunan generasi akan datang. AWQAF turut menerima sistem silibus IHES secara wakaf yang dibangunkan oleh pihak IHES Endowment Development Berhad, diketuai oleh Prof. Dr. Hasni Mohammed, pemilik Sekolah Islam ADNI yang telah melaksanakan pendekatan silibus IHES iaitu *Integrated Holistic Education System* yang digunakan oleh lebih seribu sekolah di seluruh dunia. Sistem ini sedang dilaksanakan di sekolah Al-Hamra dan akan menyemai para pelajar dengan ilmu aqli dan naqli, rohani dan jasmani secara holistik.

Melalui pelaburan ini, unjuran hasil yang dapat dijana oleh AWQAF adalah sehingga RM2 juta setahun. Namun disebabkan oleh kos tetap seperti sewaan yang agak tinggi, Pihak Pengurusan akan berusaha merancang beberapa aktiviti pemasaran dengan lebih strategik sebagai usaha menambah lebih ramai pelajar Al-Hamra yang mempunyai kapasiti bangunan yang boleh menampung jumlah pelajar sehingga 600 orang. Projek ini mempunyai potensi masa depan yang sangat baik, namun akibat wabak Covid-19 kapasiti pelajar masih rendah manakala kos operasi pula perlu ditampung. Oleh itu, Pengurus telah menjemput Ahli AWQAF untuk menambah sumbangan wakaf mereka dalam Kempen Wakaf

Pendidikan Lestari, satu kempen yang dilancarkan bagi membantu kelangsungan dan kesinambungan institusi pendidikan Islam ini, yang mana ia secara tidak langsung akan memberi manfaat kepada pembangunan ketamadunan Islam.

- (5) Bagi projek CURVES Bukit Jelutong, Pihak Pengurusan sedang dalam usaha merancang beberapa aktiviti pemasaran dan pendekatan yang lebih strategik dalam menambah lebih ramai ahli dan pada masa yang sama mengekalkan ahli sedia ada. Walaupun prestasi semasa CURVES Bukit Jelutong berdepan pandemik COVID-19 amat menyukarkan operasi, AWQAF tetap merancang untuk membuka beberapa lagi outlet pada akhir tahun 2021 bagi mengembangkan lagi segmen perniagaan kercergasan dan kesihatan ini termasuk inisiatif dan perbincangan AWQAF bersama beberapa pihak bagi merancang pembukaan outlet CURVES di luar kawasan Lembah Klang secara usahasama dengan DPIM. Semoga usahasama dalam membangunkan perniagaan berkonsepkan gimnasium wanita patuh Syariah ini, membuka lebih banyak peluang baru untuk AWQAF terus mengembangkan pelaburan dalam bidang kesihatan & kecergasan.
- (6) Bagi pelan pelaburan berasaskan teknologi digital, Lembaga Pengarah AWQAF juga telah bersetuju untuk mengambil peranan sebagai salah satu Ahli Pengasas Pemegang Saham di dalam penubuhan Bank Wakaf Digital iaitu AWQAF Islamic Digital Bank bersama-sama pihak Halim Mazmin Berhad, Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan Grup Majalah Karangkraf Sdn Bhd dalam permohonan Lesen Perbankan Digital daripada Bank Negara Malaysia.
- (7) Dalam pelaburan harta tanah dan kesihatan pula, AWQAF juga sentiasa meneruskan usaha mencari projek harta tanah berskala sederhana yang sesuai untuk dibangunkan, yang mana usaha ini akan di buat dalam bentuk sendirian ataupun kolaborasi strategik bersama agensi-agensi yang berkaitan kerajaan dan swasta bagi mengembangkan dan menambah nilai sumber dana wakaf. AWQAF

juga telah memulakan inisiatif dengan pelan cadangan pembangunan bersama pihak Perbadanan Menteri Besar Negeri Sembilan di kawasan Bandar Sri Sendayan bagi membangunkan Pusat Kesihatan dan Penjagaan Ambulatori (ACC), Residensi Warga Emas Premier dan Kompleks kediaman 5 tingkat *Serviced Apartment*. AWQAF telah mengenal pasti satu tapak tanah sebesar 5 ekar berhampiran Masjid Sri Sendayan yang berpotensi untuk dibangunkan 3 projek pembangunan bersepadu ini.

- (8) Cabang CSR AWQAF iaitu Yayasan ZuriatCARE, yang dipengerusikan oleh Puan Alia Muhammad Ali, telah melibatkan jumlah agihan dana sepanjang tahun 2020 sebanyak RM46,623.00. Selain daripada program Peluang Kedua yang memantau remaja tersasar dan bayi tidak sah taraf, Yayasan Zuriatcare turut mengembangkan lagi capaian mereka kepada masyarakat dengan aktiviti-aktiviti kesedaran lain, seperti menubuhkan program baru dibawah Yayasan, iaitu Program Kempen Inklusif Kesedaran Kesihatan dan Penyakit Mental yang diberi nama Camellia, iaitu singkatan kepada Campaign for Mental Illness Inclusivity and Awareness, dan juga Advokasi Kesedaran Bunuh Diri, AWAS iaitu singkatan kepada Awareness Against Suicide, yang mana diakui bahawa isu kesihatan mental dan bunuh diri ini semakin serius apabila dikaitkan dengan tekanan sosioekonomi akibat pandemik Covid-19.

Sebagai membantu kesempitan hidup masyarakat pada ketika ini, ZuriatCARE turut melancarkan kempen satu nyawa satu jiwa, iaitu bantuan keperluan asas bayi yang diberikan secara *one-off* kepada keluarga B40 yang terkesan dengan pandemik.

- (9) Bagi Tabung EduWAQF pula, sehingga 31 Disember 2020, jumlah dana keseluruhan manfaat EduWAQF adalah sebanyak RM267,424.00 Program EduWAQF telah memberi sumbangan berjumlah RM4,500.00 kepada Yayasan Orang Buta Malaysia iaitu "Program Bantuan Bahan Bacaan Braille untuk 100 Orang Kanak-kanak Buta", dan bekerjasama dengan Persatuan Bangun Bersama bagi penajaan 60 orang pelajar di kalangan keluarga B40 miskin

bandar, dalam program tuisyen dan kelas mengaji Al-Quran. AWQAF telah menaja melalui Tabung EduWaqt sebanyak RM3,000.00 sebulan untuk program tersebut di sekitar Lembah Klang.

- (10) Buku Biografi Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali yang ditulis oleh Prof. Rokiah Talib juga telah pun siap. Ianya adalah kerjasama antara AWQAF Holdings dan pihak Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press), bertajuk Shifting Paradigm by A Business Jihad Champion. Buku biografi ini, akan merungkai kisah hidup Allahyarham sejak dari kecil sehingga beliau berjaya membawa Johor Corporation menjadi salah satu konglomerat terbesar di Malaysia dan boleh dijadikan bahan rujukan pengurusan korporat untuk semua. Harga jualan buku adalah RM120 senaskah dan pra tempahan telah pun dibuka kepada Ahli AWQAF yang hadir pada Mesyuarat ini dengan harga yang istimewa iaitu RM95 senaskah.

Mesyuarat mengambil maklum tentang pembentangan tersebut dan Pengerusi berharap semua ahli AWQAF mendapat input secara terperinci mengenai prestasi Syarikat dan prospek perniagaan serta cabaran yang mungkin dihadapi untuk tahun-tahun mendatang berikutan dengan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia sekarang ini.

5. PROSES PENGUNDIAN

Pengerusi memaklumkan proses pengundian semua resolusi seperti yang tertera di dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lapan adalah melalui angkat tangan (*show of hand*). Pengerusi menerangkan serba sedikit kepada semua ahli yang hadir mengenai bagaimana perjalanan proses pengundian secara atas talian melalui aplikasi Zoom akan dilaksanakan.

Pengerusi kemudian meneruskan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lapan dengan urusan rasmi mesyuarat.

**6. MEMBINCANGKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2020 BERSERTA LAPORAN PENGARAH DAN
JURUAUDIT**

Pengerusi memaklumkan bahawa Agenda berkenaan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit hanya untuk tujuan perbincangan dan tidak memerlukan kelulusan dari ahli AWQAF. Perkara ini telah dinyatakan di dalam Seksyen 340(1)(a), Akta Syarikat 2016. Oleh itu, tiada pengundian akan dibuat untuk Agenda ini.

Pengerusi telah menjemput Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff selaku Pengarah Eksekutif AWQAF untuk membentangkan Laporan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit kepada ahli AWQAF.

Pengerusi kemudian telah membuka sesi soal jawab kepada semua ahli AWQAF untuk bertanyakan soalan atau kueri berkenaan Laporan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit kepada ahli-ahli AWQAF.

Salah seorang Ahli AWQAF iaitu Datuk Dr. Abdul Latiff bin Awang telah mengemukakan soalan kepada Ahli Lembaga Pengarah berkenaan beberapa perkara antaranya:

- (1) memohon penerangan lanjut berkenaan pelaburan AWQAF dalam Sekolah Antarabangsa Integrasi Al Hamra; dan
- (2) memohon penjelasan mengenai status Mutawalli dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan status dokumen perjanjian di antara kedua-dua pihak khasnya dalam pengendalian dana wakaf yang dikutip oleh Syarikat.

Isu status Mutawalli ini juga turut dibangkitkan oleh seorang lagi Ahli AWQAF iaitu Encik Mohd Najib Bin Khairudin (Tabung Wakaf Khas Kesihatan).

Selain itu Encik Mohd Najib turut mengutarakan pertanyaan berikut:

- (1) Sebagai Ahli AWQAF, beliau belum dapat melihat lagi manfaat yang diperolehi daripada saham wakaf yang disumbangkan.
- (2) Beliau berpendapat bahawa kos pentadbiran AWQAF agak tinggi dan memohon justifikasi tentang kos gaji yang dirasakan agak tinggi.
- (3) Bidangkuasa AWQAF dalam mengutip dana wakaf di luar Negeri Sembilan juga memerlukan kelulusan diperingkat Majlis Agama Negeri, sekiranya ia tidak diperolehi, dikhuatiri kutipan tersebut menjadi tidak sah.

Terdapat juga satu cadangan yang diberikan oleh Encik Jamal Hisham Bin Jermi berkenaan bagaimana EduWaqf boleh menggunakan platform Sekolah Antarabangsa Integrasi Al Hamra untuk menawarkan kelas-kelas 'SPM Fast Track' kepada pelajar-pelajar tahfiz yang ingin mengambil peperiksaan SPM.

Berkenaan perkara yang dibangkitkan tersebut, Pengurus bersama-sama Ahli Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan memperjelaskan kepada Ahli AWQAF yang hadir bahawa:

- (1) Berkenaan dengan perincian pelaburan dalam Sekolah Antrabangsa Integrasi Al Hamra, Encik Mohsein telah memaklumkan serba sedikit tentang latar belakang pelaburan tersebut dan juga tentang informasi yang diminta oleh Datuk Dr. Abdul Latiff bin Awang. Dan turut memaklumkan bahawa beberapa pendekatan telah diambil oleh Awqaf Education Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat yang menguruskan pelaburan ini dalam menanggani isu dan cabaran ekonomi terhadap industri pendidikan swasta di era pandemik ini.

- (2) Berkanaan dengan status Mutawalli dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), buat masa ini berdasarkan surat yang telah dikeluarkan oleh MAINS, AWQAF telah pun mendapat kelulusan dasar. Walau bagaimanapun, dokumen perjanjian masih belum dapat dimuktamadkan antara kedua-dua pihak kerana terdapat isu-isu teknikal dan juga pertukaran struktur diperingkat pengurusan MAINS. Sungguhpun perkara ini masih belum selesai, namun Syarikat tidak menerima sebarang notis bertulis tentang halangan-halangan dari pihak MAINS berkenaan operasi AWQAF.
- (3) Berkanaan dengan isu kutipan dana wakaf di luar Negeri Sembilan, memandangkan kini kita telah berada di era digital di mana dunia tanpa sempadan maka Majlis Agama Islam Negeri setakat ini tidak mengeluarkan apa-apa pekeliling yang menyekat kutipan dana secara atas talian yang merangkumi kutipan dari seluruh pelusuk negara.
- (4) Berkanaan dengan manfaat yang belum lagi dilihat oleh Ahli AWQAF, Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa pelaburan-pelaburan dari dana wakaf akan mengambil sedikit masa untuk mengecapi pulangannya. Walau bagaimanapun, AWQAF sentiasa melihat kepada pelaburan-pelaburan jangka pendek yang mampu menjana pulangan kepada pelaburan tersebut dalam masa yang lebih singkat.
- (5) Berkanaan dengan kos pengurusan yang dikatakan tinggi, Pengerusi memaklumkan bahawa kos gaji bukanlah satu item yang menyebabkan kos tersebut meningkat. Semua Ahli Lembaga Pengarah tidak menerima sebarang bayaran dari AWQAF sejak tahun 2012 yang lalu. Gaji beberapa individu yang bekerja secara sepenuh masa di AWQAF adalah agak rendah jika dibandingkan dengan jumlah yang sepatutnya dibayar kepada mereka. Jadi item gaji di dalam akaun bukanlah satu jumlah yang dianggap besar. Sebaliknya terdapat beberapa kos pemasaran yang terpaksa dibelanjakan bagi tujuan aktiviti-aktiviti berkaitan dana wakaf. Selain itu, kos sewaan untuk projek Curves Bukit Jelutung telah

dimasukkan ke dalam kos operasi yang mana ia akan diperbaiki atau dikeluarkan untuk tahun akan datang.

- (6) Berkenaan cadangan untuk menawarkan kelas 'SPM Fast Track' kepada pelajar-pelajar tahniz melalui platform Sekolah Al Hamra, Pihak Pengurusan akan berbincang lanjut untuk melihat potensi perlaksanaan projek ini.

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih atas soalan-soalan dan isu yang dibangkitkan dan memberi jaminan bahawa Pihak Pengurusan akan melihat semula perkara-perkara yang tertunggak. ~~khanya isu berkenaan dokumen perjanjian yang belum ditandatangani dan syarat-syarat lain yang belum dipenuhi bagi memuktamadkan perlantikan Mutawalli tersebut dengan pihak MAINS.~~

Memandangkan tiada lagi soalan daripada ahli AWQAF, Pengerusi meneruskan Mesyuarat Agung Tahunan dengan agenda seterusnya.

7. RESOLUSI 1(a)

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT ARTIKEL 55 SYARIKAT – (a) DR. RIDZWAN BIN BAKAR

Resolusi pemilihan dan pelantikan semula Dr. Ridzwan bin Bakar yang bersara mengikut Artikel 55 Syarikat telah dibentangkan.

Resolusi 1(a) telah dicadangkan oleh Puan Munirah Binti Abdullah Bajanuddin dan disokong oleh Encik Faizal Fakaruddin Bin Md Aziz.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 1(a) telah diterima dengan 98% undian setuju Ahli AWQAF yang hadir dan layak mengundi.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisyiharkan Resolusi 1(a) telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 55 Syarikat, iaitu Dr. Ridzwan bin Bakar adalah diterima.”

8. RESOLUSI 1(b)

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT ARTIKEL 55 SYARIKAT – (b) PUAN RAFE’AH BINTI ARIFFIN

Resolusi pemilihan dan pelantikan semula Puan Rafe’ah binti Ariffin yang bersara mengikut Artikel 55 Syarikat telah dibentangkan.

Resolusi 1(b) telah dicadangkan oleh Encik Ahmad Fahimi Bin Amir dan disokong oleh Puan Rahmah Binti Mustafa.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 1(b) telah diterima dengan 95% undian setuju Ahli AWQAF yang hadir dan layak mengundi.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisyiharkan Resolusi 1(b) telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 55 Syarikat, iaitu Puan Rafe’ah Binti Ariffin adalah diterima.”

9. RESOLUSI 2(a)

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT ARTIKEL 56 SYARIKAT – (a) YBHG. DATUK DR. MOHD GHAZALI BIN MD NOOR

Resolusi pemilihan dan pelantikan semula YBhg. Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Md Noor yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat telah dibentangkan.

Resolusi 2(a) telah dicadangkan oleh Puan Munirah Binti Abdullah Bajanuddin dan disokong oleh Encik Ahmad Fahimi Bin Amir.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 2(a) telah diterima dengan 98% undian setuju Ahli AWQAF yang hadir dan layak mengundi.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisyiharkan Resolusi 2(a) telah diluluskan seperti berikut:

"DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat, iaitu YBhg. Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Md Noor adalah diterima."

10. RESOLUSI 2(b)

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA
MENGIKUT ARTIKEL 56 SYARIKAT – (b) YBHG. PUAN SRI
NOORZILAH BINTI MOHAMMED ALI

Resolusi pemilihan dan pelantikan semula YBhg. Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat telah dibentangkan.

Resolusi 2(b) telah dicadangkan oleh Puan Norhana Binti Ramli dan disokong oleh Encik Yasser Arafat Bin Ishak.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 2(b) telah diterima dengan 96% undian setuju Ahli AWQAF yang hadir dan layak mengundi.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisyiharkan Resolusi 2(b) telah diluluskan seperti berikut:

"DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat, iaitu YBhg. Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali adalah diterima."

10. RESOLUSI 3

PELANTIKAN TETUAN WAN NADZIR & CO SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT YANG BAHARU BAGI TAHUN BERIKUTNYA DAN MEMBERI KUASA KEPADA PARA PENGARAH UNTUK MENETAPKAN IMBUHAN MEREKA.

Resolusi pelantikan Tetuan Wan Nadzir & Co sebagai Juruaudit Syarikat yang baharu menggantikan Juruaudit yang bersara, Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS), untuk memegang jawatan sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya pada imbuhan yang akan dipersetujui oleh Pengarah dan Juruaudit telah dibentangkan.

Sebelum memulakan proses pengundian, Pengerusi dan seluruh Lembaga Pengarah turut merekodkan penghargaan dan terima kasih Syarikat kepada Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) atas perkhidmatan mereka sebagai Juruaudit Syarikat selama hampir 8 tahun ini. Dan memberi peluang kepada wakil AFTAAS untuk memberikan ucapan.

Tuan Haji Tarmili Dulah Kusni selaku wakil AFTAAS juga merakam penghargaan kepada Syarikat di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada AFTAAS selama ini dan dengan berbesar hati memaklumkan kepada Mesyuarat hasrat AFTAAS untuk menghadiahkan jumlah bayaran yuran audit pada tahun ini kepada AWQAF untuk tujuan pembiayaan sebahagian dari kos pencetakan Buku Biografi Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali. Pengerusi kemudiannya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak AFTAAS atas sumbangan tersebut.

Resolusi 3 ini telah dicadangkan oleh Encik Ibrahim Adham Bin Asmail dan disokong oleh Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 3 telah diterima dengan 98% undian setuju Ahli AWQAF yang hadir dan layak mengundi.

Pengerusi mengisyiharkan Resolusi 3 telah diluluskan seperti berikut:

"DENGAN INI ketetapan untuk pelantikan Tetuan Wan Nadzir & Co. sebagai Juruaudit baharu Syarikat menggantikan Juruaudit yang bersara, Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS), bagi memegang jawatan sebagai Juruaudit sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya; dan untuk memberi kuasa kepada Pengarah Syarikat untuk menetapkan imbuhan mereka adalah diterima."

Pengerusi kemudiannya mengucapkan tahniah kepada Tetuan Wan Nadzir & Co atas perlantikan tersebut dan menjemput wakil dari Tetuan Wan Nadzir & Co, Encik Mohd Wazi Mohamad Awal untuk memberi ucapan penerimaan.

11. PERBENTANGAN & SESI SOAL JAWAB BERKAITAN RESOLUSI 4(a) dan 4(b)- CADANGAN PERUNTUKAN 12% DARIPADA AIN WAKAF AWQAF HOLDINGS BERHAD SEBAGAI KOS PENGURUSAN

Pengerusi telah menjemput Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff (selaku Pengarah Eksekutif AWQAF) dan Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali (selaku Penasihat Shariah) untuk menerangkan rasional bagi cadangan Resolusi 4 (a) dan 4 (b) kepada semua Ahli AWQAF.

Pengerusi kemudian telah membuka sesi soal jawab kepada semua Ahli AWQAF untuk mengemukakan sebarang pertanyaan berkenaan dengan cadangan-cadangan tersebut.

Terdapat beberapa isu dan soalan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli AWQAF antaranya Encik Mohd Najib Bin Khairudin (Tabung Wakaf Khas Kesihatan), Dr. Ab. Halim Bin Muhammad dan YBhg. Tun Dato' Seri Arshad Ayub. Antara rumusan isu dan persoalan tersebut adalah:

- (1) wakaf tunai oleh para pewakaf telah pun diaqad sebagai 100% wakaf jadi tidak wajar untuk Syarikat memperuntukkan 12% daripadanya sebagai kos pengurusan/operasi melainkan diperbetulkan aqad dengan pewakaf dari awal bahawa 12% akan disedeqahkan kepada Syarikat untuk menampung kos tersebut.
- (2) Adalah menjadi niat pewakaf untuk memperuntukkan 100% tunai yang disumbangkan tersebut sebagai wakaf. Jadi sekiranya Syarikat memerlukan dana untuk menampung kos pengurusan/operasi, mungkin Syarikat boleh memohon beberapa bentuk dana dari pihak Majlis Agama Islam sebagai bantuan kepada entiti wakaf bagi menampung kos pengurusan/operasi. Ini dilihat sebagai satu jalan yang lebih baik berbanding dengan cara mengambil peruntukan dari jumlah wakaf tunai yang disumbangkan oleh para pewakaf.
- (3) AWQAF Holdings Berhad merupakan wakaf korporat yang berasaskan wakaf tunai dan aktiviti-aktiviti pelaburan yang dikenalpasti dan bukan berdasarkan model wakaf tradisi iaitu wakaf hartanah seperti bangunan atau tanah milik pewakaf. Jadi AWQAF perlu menerokai cara terbaik untuk menyeimbangkan keperluan wakaf dan juga pengurusan. Pewakaf harus faham bahawa model wakaf yang baru ini mungkin terdapat perbezaan dari segi pengurusan dan kaedah perlaksanaannya. Ia memerlukan satu pendekatan dan tafsiran yang baru dan bukannya dibelenggu dengan cara pengurusan dan kaedah wakaf yang sedia ada.
- (4) Pengurusan AWQAF seharusnya menjalankan beberapa sesi bersama pewakaf dan juga pihak berkuasa yang berkaitan

berkenaan cadangan ini sebelum ianya dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan.

Berdasarkan isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh individu-individu di atas, berikut adalah penjelasan dari Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan:

- (1) AWQAF Holdings Berhad merupakan entiti wakaf korporat yang ditubuhkan tanpa ada satu badan penaung yang kebiasaannya akan memberi sumbangan secara konsisten bagi menampung kos operasi. Jadi adalah menjadi tanggungjawab AWQAF untuk mejana sendiri sumber kewangan bagi menampung kos-kos tersebut dan salah satu cara adalah melalui peruntukan sebahagian dari dana wakaf yang dikumpulkan.
- (2) Konsep wakaf yang dikelolakan oleh AWQAF adalah melibatkan wakaf berbentuk wakaf tunai, jadi pelaburan dari wakaf-wakaf tunai ini mengambil masa sedikit untuk mejana keuntungan, di mana keuntungan dari pelaburan merupakan salah satu sumber yang boleh menampung kos operasi dan pengurusan. Ia berbeza dengan wakaf hartanah seperti yang berbentuk bangunan atau saham-saham syarikat di mana keuntungan boleh diperolehi dengan cepat dari hasil sewaan bangunan atau dari dividen saham tersebut contohnya.
- (3) Terdapat keperluan yang mendesak pada ketika ini kerana sejak 8 tahun Syarikat beroperasi, ia turut menampung kos-kos juruaudit, setiausaha syarikat dan juga penasihat undang-undang. Dan sekiranya Syarikat tiada sumber kewangan yang tetap untuk menampung kos-kos ini maka agak sukar untuk Pihak Pengurusan menguruskan dan menjalankan aktiviti pelaburan-pelaburan yang wajar termasuk mejana lebih banyak dana wakaf.
- (4) Peruntukan 12% ini juga sebenarnya diformulasikan dengan merujuk kepada panduan pengurusan zakat di mana satu per lapan dari dana kutipan zakat diperuntukkan kepada amil zakat yang

menguruskan dana tersebut. Jadi peruntukan 12% ini dianggap sebagai satu peruntukan yang wajar.

- (5) Apa yang Pihak Pengurusan cadangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ini adalah lebih kepada memohon kelulusan dan persetujuan Ahli AWQAF bagi membenarkan mereka untuk menerokai dan berbincang dengan pihak berkuasa tentang mekanisme dan kaedah yang sesuai dan patuh Shariah bagi menyeimbangkan keperluan wakaf dan juga pentadbirannya.

YBhg. Tun Dato' Seri Arshad Ayub mencadangkan agar resolusi ini ditangguhkan dahulu sehingga isu berkaitannya diperhalusi lagi oleh Pengurusan AWQAF dan cadangan beliau turut disokong oleh Encik Mohd Najib Bin Khairudin (Tabung Wakaf Khas Kesihatan).

Walaubagaimanapun, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa memandangkan ada sebilangan lagi Ahli yang bersetuju untuk meneruskan undian bagi Resolusi 4(a) dan 4(b) ini, maka adalah sebaiknya ia diteruskan sebagai satu proses demokrasi yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Syarikat.

Namun begitu, Pengerusi bersama Ahli Lembaga Pengarah yang lain dan juga Pihak Pengurusan AWQAF memberi jaminan pada Ahli AWQAF bahawa mereka akan memperhalusi dan melihat semula mekanisme dan metod perlaksanaannya setelah mendapat garis panduan dan nasihat dari Majlis Fatwa dan juga Majlis Agama Islam sekiranya Resolusi 4(a) dan 4(b) ini diluluskan dan diterima pada Mesyuarat kali ini.

Memandangkan tiada lagi soalan yang dibangkitkan Pengerusi meneruskan Mesyuarat dengan proses pengundian bagi Resolusi 4(a) dan 4(b).

12. RESOLUSI 4(a)

CADANGAN PERUNTUKAN 12% DARIPADA AIN WAKAF AWQAF HOLDINGS BERHAD SEBAGAI KOS PENGURUSAN HARTA WAKAF.

Resolusi 4(a) telah dicadangkan oleh YBhg. Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali dan disokong oleh Puan Zaharah Binti Salleh.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 4(a) telah diterima dengan 88% undian setuju Ahli AWQAF yang hadir dan layak mengundi.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisyiharkan Resolusi 4(a) telah diluluskan seperti berikut:

"DENGAN INI, ketetapan untuk meluluskan Peruntukan 12% daripada Ain Wakaf AWQAF Holdings Berhad sebagai kos pengurusan harta wakaf adalah diterima."

13. RESOLUSI 4(b)

CADANGAN PERUNTUKAN 12% DARIPADA AIN WAKAF TERKUMPUL AWQAF HOLDINGS BERHAD DARIPADA TAHUN 2012 SEHINGGA 31 DISEMBER 2020.

Resolusi 4(b) telah dicadangkan oleh YBhg. Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali dan disokong oleh Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali.

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 4(b) telah diterima dengan 81% undian setuju Ahli AWQAF yang hadir dan layak mengundi.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisyiharkan Resolusi 4(b) telah diluluskan seperti berikut:

"DENGAN INI, Ketetapan untuk meluluskan Peruntukan 12% daripada Ain Wakaf Terkumpul AWQAF Holdings Berhad daripada tahun 2012 sehingga 31 Disember 2020 adalah diterima."


Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli AWQAF dan memaklumkan sekali lagi pada semua bahawa bagi Resolusi 4(a) dan 4(b) di atas, perlaksanaannya adalah TERTAKLUK kepada keputusan Majlis Fatwa Negeri dan penelitian lanjut Pihak Pengurusan AWQAF Holdings termasuk Lembaga Pengarah terhadap mekanisme dan kaedah yang sesuai.

14. LAIN-LAIN URUSAN PERNIAGAAN DAN PENUTUPAN MESYUARAT

Oleh kerana tiada notis diterima untuk melakukan lain-lain urusan pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lapan (seperti disahkan oleh Setiausaha Syarikat), Pengerusi mengakhiri Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Lapan dengan ucapan terima kasih pada semua Ahli AWQAF yang hadir.

Mesyuarat ditamatkan pada pukul 1.15 petang dengan ucapan terima kasih kepada Pengerusi.

Minit disediakan oleh,



.....
Puan Fatintafrina Binti Mohd Tareh
Setiausaha Syarikat
Tarikh: 7 Ogos 2021

Minit disemak oleh,



.....
En. Abdul Mohsein bin Mohd Shariff
Pengarah Eksekutif
Tarikh: 7 Ogos 2021

Minit disahkan oleh,



.....
YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir
Pengerusi
Tarikh: 7 Ogos 2021